

Pengaruh Geografi Keruangan dalam Pilihan Raya Kecil Pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 di Malaysia

Influence of Spatial Geography in By-Elections Post 15th General Election in Malaysia

JUNAIIDI AWANG BESAR

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

*Corresponding author: jab@ukm.edu.my

Received: 4 Mei 2024 ; Revised: 27 Ogos 2024 ; Accepted: 1 Okt 2024; Published: 11 Okt 2024

To cite this article (APA): Awang Besar, J. (2024). Influence of Spatial Geography in By-Elections Post 15th General Election in Malaysia. *GEOGRAFI*, 12(1), 140–162. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol12.1.8.2024>

ABSTRAK *Geografi keruangan merujuk kepada persekitaran ruang dalam mempengaruhi sesuatu aspek fizikal dan kemanusiaan. Geografi keruangan boleh mempengaruhi pola sesuatu pengundian dari segi kedudukan bandar-luar bandar, geografi fizikal, geografi perumahan dan geografi etnik. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh geografi keruangan dalam Pilihan Raya Kecil pasca PRU-15. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berdasarkan score sheet keputusan pilihan raya mengikut saluran dan daerah mengundi; dan kaedah kualitatif iaitu analisis kepada maklumat sekunder iaitu penulisan jurnal, bahan seminar dan buku akademik yang berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil pasca PRU-15 berdasarkan geografi keruangan dipengaruhi oleh geografi etnik di sesuatu kawasan dalam Pilihan Raya Kecil pasca PRU-15. Pengundi Melayu lebih cenderung menyokong PN kerana parti komponen dalam PN iaitu PAS dan BERSATU dilihat lebih ultra identiti (perkauman dan keagamaan) sebagai pengganti kepada UMNO dan dilihat lebih serius dalam memperjuangkan dan mempertahankan Melayu dan kedaulatan Islam. Pengundi bukan Melayu pula lebih selesa menyokong PH kerana ideologi politik sederhana dan perjuangan keadilan dan persamaan hak semua kaum yang diperjuangkan parti tersebut. Justeru, pengaruh geografi etnik lebih mendominasi pola sokongan pengundi berbanding geografi keruangan.*

Kata kunci: Geografi, ruang, dinamika politik, geografi keruangan, geografi etnik, ultra identiti, politik sederhana.

ABSTRACT *Spatial geography refers to the spatial environment in influencing certain physical and human aspects. Spatial geography can influence a voting pattern in terms of urban-rural position, physical geography, housing geography and ethnic geography. Thus, it is the purpose of writing this paper to analyse the influence of spatial geography in the post-GE-15 By-Election. The writing of this article used a quantitative method which is based on the score sheet of the election results according to the channel and voting district; and the qualitative method which is the analysis of secondary information which is journal writing, seminar materials and relevant academic books. The results of the study found that the voting pattern in By-Election post GE-15 based on spatial geography was influenced by the ethnic geography of an area in the post-GE-15 By-Election. continue to support*

Pakatan Harapan (PH). Malay voters are more inclined to support PN because the component parties in PN namely PAS and BERSATU are seen as more ultra-identity (racial and religious) as a replacement for UMNO and are seen as more serious in fighting for and defending Malay and Islamic sovereignty. Non-Malay voters are more comfortable supporting PH because of its moderate political ideology and the fight for justice and equal rights of all races that the party is fighting for. Thus, the influence of ethnic geography dominates voter support patterns more than spatial geography.

Keywords: Geography, spatial, political dynamics, spatial geography, ethnic geography, ultra identity, moderate politics.

1. Pengenalan

Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU-15 merupakan satu pilihan raya yang penting untuk sentimen politik semasa secara lokaliti/setempat di kawasan kajian dan juga dapat menentukan arah pola sokongan pengundi pasca PRU-15. PRK ini juga dapat dijadikan penanda aras kepada prestasi kerajaan semasa di peringkat negeri dan persekutuan namun tidaklah boleh menggambarkan keseluruhan politik nasional/negara kerana senario dan budaya serta sentimen politik di 222 kawasan Parlimen dan 600 kawasan DUN tidaklah sama senarionya. Justeru, keputusan dan pola pengundian di enam kawasan yang terlibat dengan PRK ini tidak boleh dijadikan indikator utama kepada senario politik nasional kerana politik pilihan raya kini sangat bersifat dinamik dan sukar diramal dengan tepat di samping perancangan dan permainan politik pemimpin politik yang sangat rahsia, rapi dan tersusun yang membolehkan terjadinya peristiwa politik yang sangat di luar jangkaan semua pihak. Semenjak selesainya PRU-15 pada Disember 2022 sehinggalah artikel ini mula ditulis pada Januari 2024, terdapat enam PRK yang berlangsung di empat negeri iaitu bermula dengan PRK Parlimen Kuala Terengganu pada 12 Ogos 2023; kemudian PRK Parlimen Pulau dan DUN Simpang Jeram pada 9 September 2023; PRK DUN Pelangai pada 7 Oktober 2023; PRK DUN Jepak pada 4 November 2023; dan PRK Parlimen Kemaman pada 2 Disember 2024.

Aspek ruangan dan kewilayahan merupakan antara elemen utama dalam proses memahami pembangunan politik Malaysia. Dengan bersandarkan kepada konsep “kewilayahan keetnikan” atau disebut juga sebagai “the Malay Belt States”, makalah ini mengengahkan perbahasan mengenai hubungan timbal-balik antara elemen “wilayah etnik” dan pengaruhnya terhadap “keputusan tingkah laku pengundi”. Oleh itu adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengaruh geografi keruangan dalam Pilihan Raya Kecil Pasca PRU-15.

2. Kajian Lepas Geografi Pilihan Raya di Malaysia

Kajian geografi pilihan raya yang dijalankan di kawasan Dun Galas, Kelantan oleh Junaidi & Mohd Faidz (2011) dan Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faidz (2012) mendapati bahawa geopolitik pembangunan persekitaran mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik yang bertanding. Isu-isu pembangunan setempat seperti infrastruktur, bekalan air dan elektrik dan penyelenggaraan jalan menjadi topik perbualan utama dalam kalangan pengundi di kawasan Dun Galas.

Kajian geografi pilihan raya Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur oleh Junaidi, Rosmadi & Amer (2013 & 2015) mendapati bahawa kawasan Parlimen Titiwangsa merupakan kawasan berkomposisikan geopolitik etnik campuran antara Melayu, Cina dan India maka pada sebelum PRU 2008 kawasan tersebut merupakan kawasan kubu kuat BN namun berubah pada PRU 2008 dan seterusnya apabila pengundi Cina dan India beralih sokongan kepada parti pembangkang.

“Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011” mendapati bahawa trend pengundian 16 PRK menunjukkan kawasan bandar terus dikuasai Pakatan Harapan yang berteraskan politik nilai manakala kawasan luar bandar menjadi status quo Barisan Nasional yang berpaksikan kepada politik pembangunan (Mohd Fuad et al., 2013)

Junaidi (2016) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Perak menghuraikan bahawa kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu yang mempamerkan sokongan seimbang antara BN dengan PAS/PKR kerana terdapat daerah mengundi tertentu yang cenderung menyokong kedua-dua parti tersebut disebabkan identifikasi politik yang tinggi dan faktor kekeluargaan yang dilihat dominan dalam menentukan sokongan ahli keluarga kepada parti politik.

Kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Manir, Terengganu oleh Junaidi et al. (2016) mendapati bahawa sebelum PRU 1990, kawasan ini dikuasai secara bergilir-gilir antara BN dan PAS namun sejak PRU 1990 sehinggalah PRU 2013, kawasan ini terus dikuasai PAS disebabkan sokongan pengundi muda dan yang tinggal di luar kawasan yang majoritinya adalah penyokong PAS. Ini ditambah lagi dengan pengaruh pusat pengajian agama serta pengajaran agama di surau di kawasan DUN ini yang cenderung kepada PAS menjadikan kawasan ini menjadi kubu PAS dalam setiap kali pilihan raya.

Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 menyaksikan Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan penguasaan untuk kali ke-13 setelah berjaya memenangi 133 kerusi Parlimen daripada 222 keseluruhan kerusi Parlimen. PRU-13 ini menyaksikan dari segi geopolitik kaum, pengundi Cina terus menyokong parti pembangkang iaitu PH kerana mereka tidak lagi berpegang kepada politik perkauman. Sebaliknya, pengundi Cina berpegang kepada politik nilai iaitu tata kelola yang baik, anti rasuah, keadilan sejagat dan berintegriti dalam mentadbir negara (Junaidi, 2017a & 2017b).

Junaidi, Mohd Nizar & Mohd Fuad (2017) dalam kajian geografi pilihan raya di kawasan DUN Apas, Sabah mendapati bahawa dari segi geopolitik popular, responden majoritinya menggunakan media alternatif untuk dijadikan sebagai sumber maklumat politik dan mereka lebih mempercayai media tersebut. Namun mereka masih berpegang kepada fahaman politik pembangunan dalam menentukan sokongan politik mereka dalam setiap pilihan raya.

Dari segi analisis geografi pilihan raya iaitu saiz negeri Perlis, negeri ini merupakan negeri beraja yang terkecil di Malaysia. Dengan jumlah kerusi DUN dan Parlimen yang kurang berbanding negeri lain, pimpinan politik yang menguasai dana dan logistik lebih mudah untuk mempengaruhi pengundi agar menyokong parti mereka dalam setiap pilihan raya (Junaidi, 2018).

Mohd Nizar Sudin, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2018) menjelaskan bahawa keadaan geografi kerusi Parlimen dan DUN di Kedah menunjukkan terdapat kawasan luar bandar yang dikuasai sama ada BN atau PAS, bergantung kepada kekuatan cawangan atau jentera politik setempat dan juga pengaruh kekeluargaan yang akan menentukan sokongan penduduk kampung kepada salah satu parti politik utama Orang Melayu.

3. Metod Kajian


Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan kaedah huraian naratif dan analisis kualitatif daripada sumber sekunder iaitu makalah jurnal, buku ilmiah dan bahan seminar berdasarkan tema Pilihan Raya Kecil pasca PRU-15 di Malaysia yang kemudiannya dianalisis berdasarkan trend pengundian. Data sekunder digunakan bagi mengukuhkan lagi penulisan makalah ini dalam konteks akademik. Data sekunder adalah data berbentuk kualitatif merangkumi pengumpulan maklumat yang telah dicatatkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan membuat kajilidikan kepustakaan. Semua kajian lepas dan data daripada sumber sekunder iaitu buku ilmiah, makalah jurnal serta bahan seminar dapat membantu mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, maklumat diperoleh dari sumber elektronik seperti melayari laman internet bagi memperoleh maklumat tambahan secara online seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan makalah jurnal. Penganalisisan data pula melibatkan bauran antara data kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan ketika kempen pilihan raya, maklumat kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya serta analisis data sekunder dibuat bagi bahan bercetak dan atas talian (internet).

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 PRK Parlimen Kuala Terengganu, Terengganu

Dari segi geografinya, Parlimen Kuala Terengganu terletak di tengah Negeri Terengganu. Kawasan ini merangkumi kawasan pinggir pantai di Batu Buruk, Kuala Ibai, Cendering, Ladang dan Tanjung; kawasan bandar di Paya Bunga, Pulau Kambing, Kampung Cina dan Batas Baru; kawasan pinggir bandar di Tekukur, Losong dan Gong Kapas; kawasan taman perumahan di Taman Permint Jaya dan Kenanga; dan kampung tradisi Melayu di Wakaf Mempelam, Kuala Bekah, Pulau Rusa, Paloh, Bukit Bayas, Nibung, Gong Tok Nasek dan Tok Adis. Parlimen Kuala Terengganu berkeluasan 57 km persegi mengandungi empat kawasan DUN iaitu DUN Wakaf Mempelam, DUN Bandar, DUN Ladang dan DUN Baru Buruk.

Jumlah Daerah Mengundi dalam Parlimen Kuala Terengganu adalah 41 kawasan Daerah Mengundi iaitu bagi DUN Wakaf Mempelam merangkumi Daerah Mengundi Losong Penglima Perang, Losong Datok Amar, Losong Haji Mat Shafie, Seberang Baruh, Wakaf Beruas, Merbau Patah, Wakaf Mempelam, Sungai Rengas, Durian Burung, Kuala Bekah, Paluh dan Pulau Rusa; DUN Bandar merangkumi Tanjung, Banggul, Kampung Cina, Paya Bunga, Pulau Kambing, Hiliran Masjid, Losong Masjid, Cabang Tiga dan Tok Ku; DUN Ladang merangkumi Ladang, Batas Baru, Tekukur, Gong Kapas, Gong Gemia, Bukit Besar, Pasir Pajang dan Bukit Bayas; dan DUN Batu Buruk merangkumi Pantai Batu Buruk, Kenanga, Nibung, Mengabang Tengah, Gong Tok Nasek, Kolam, Kuala Ibai, Tok Adis, Bukit Depu, Chendering Pantai, Chendering dan Taman Permint Jaya (Rajah 1). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 122,160 orang. Kawasan ini mengandungi 90.03 peratus etnik Melayu, 9.18 peratus etnik Cina, 0.51 etnik India dan selebihnya adalah etnik lain.



Rajah 1: Peta persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen Kuala Terengganu mengikut DUN dan Daerah Mengundi

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Calon PAS yang mewakili Perikatan Nasional (PN), Datuk Ahmad Amzad Hashim berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Kuala Terengganu melalui majoriti 47,266 undi. Ahmad Amzad memperoleh kemenangan ketiga melalui PRK ini dengan majoriti meningkat berbanding kemenangan kali pertama di Parlimen itu pada PRU-14 yang lalu dan kemenangan kedua pada PRU-15. Beliau memperoleh 68,369 undi menewaskan calon Pakatan Harapan (PH) iaitu Azan Ismail yang mendapat 21,103 undi. Peratusan membuang mengundi adalah 73.3 peratus manakala undi rosak adalah 1,049 undi. Jumlah pengundi berdaftar di kawasan ini adalah 123,397 orang.


Dari segi pola sokongan pengundi di Parlimen Kuala Terengganu, semua kawasan majoriti kaum Melayu dimenangi calon PAS dengan majoriti yang besar seperti di DUN Wakaf Mempelam, DUN Batu Buruk dan DUN Ladang manakala kawasan majoriti kaum Cina pula terus menyokong calon PH iaitu di kawasan DUN Bandar seperti di Daerah Mengundi Kampung Cina, Banggul dan Paya Bunga. Dari segi lokasi juga memperlihatkan kawasan perkampung tradisi kaum Melayu seperti di Daerah Mengundi Pulau Rusa, Wakaf Beruas, Merbau Patah, Nibung, Mengabang Tengah, Kolam dan Tok Adis terus dikuasai PAS. Kawasan bandar seperti di Pulau Kambing dan Paya Bunga didominasi calon PH.

4.2 PRK Parlimen Pulai, Johor

Dari segi geografinya, Parlimen Pulai terletak di selatan Negeri Johor dan di sebelah barat daerah Johor Bahru. Kawasan ini merangkumi kawasan pinggir pantai di Sungai Danga, Tambatan, Nong Chik, Gertak Merah dan Kampung Pahang; kawasan bandar di Bandar, Ayer Molek, Pekan Tampoi dan Kempas; kawasan pinggir bandar di Bukit Serene, Skudai Kiri dan Denai; kawasan taman perumahan di Taman Kobena, Taman Dahlia, Taman Johor, Taman Cempaka dan Taman Siantan; dan kampung tradisi Melayu di Kampung Pasir dan Lembah Kempas.

Parlimen Pulai berkeluasan 73 km persegi mengandungi dua kawasan DUN iaitu DUN Perling dan DUN Kempas. Jumlah Daerah Mengundi dalam Parlimen Pulai adalah 40 kawasan Daerah Mengundi. DUN Perling mengandungi Daerah Mengundi Jaya Mas, Belibis Perling, Sri Jaya, Kampong Pasir, Pengkalan Rinting, Skudai Kiri, Sungai Danga, Taman Sutera, Bukit Serene, Ulu Ayer Molek, Kebun Teh, Tarom, Nong Chik, Tambatan, Gertak Merah, Kampong Bahru, Yahya Awal, Ngee Heng, Ayer Molek, Kampong Pahang, Bandar, Camar Perling, Pekaka Perling, Rawa Perling, Bukit Indah, Nusa Indah, Selesa Jaya, Tampoi Indah, Simbang Perling, Uda Bestari dan Sri Sinding. DUN Kempas pula merangkumi Daerah Mengundi Kempas, Permatang, Lembah Kempas, Jalan Tampoi, Denai, Taman Siantan, Taman Johor, Taman Cempaka, Taman Dahlia, Taman Kobena, Desa Rahmat, Pekan Tampoi, Bukit Mewah dan Bukit Kempas (Rajah 2). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 167,108 orang. Kawasan ini mengandungi 44.17 peratus etnik Melayu, 40.47 peratus etnik Cina, 12.30 etnik India dan selebihnya adalah etnik lain.

Keputusan PRK Parlimen P.161 Pulai telah dimenangi oleh Suhaizan Kaiat (Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor) dari Pakatan Harapan (PH) dengan jumlah 48,283 undi daripada 298 peti undi dan majoriti sebanyak 18,641 undi. Peratus keluar mengundi bagi PRK Parlimen P.161 Pulai adalah sebanyak 47.33%. Pesaing terdekat iaitu calon Perikatan Nasional (PN), Zulkifli Jaafar mendapat 28,642 undi, manakala calon Bebas, Samsudin Mohamad Fauzi mendapat 528 undi. Kemenangan Suhaizan yang juga Naib Pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah) Johor itu mencatat sejarah peribadi kepada beliau selepas kalah enam kali pada pilihan raya yang pernah disertainya sebelum ini. Percubaan kali ketujuh Suhaizan yang juga Ketua Amanah Bahagian Pulai itu akhirnya berjaya menghasilkan kemenangan kepada beliau pada PRK ini. Peratus keluar mengundi adalah 47.37 peratus manakala undi rosak adalah 363 undi. Jumlah pengundi berdaftar di kawasan ini adalah 166,653 orang.



Rajah 2: Peta persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen Pulau, Johor mengikut DUN dan Daerah Mengundi


Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Dari segi pola sokongan pengundi di Parlimen Pulau, hampir semua kawasan majoriti 90 peratus kaum Melayu dimenangi calon PN dengan majoriti yang sederhana dan tipis seperti di DUN Kempas iaitu di Daerah Mengundi Permatang, Denai, Taman Siantan, Taman Kobena dan Taman Dahlia manakala kawasan majoriti kaum Cina 90 peratus pula terus menyokong calon PH iaitu di kawasan Daerah Mengundi Bukit Serene, Taman Johor dan Pekan Tampoi. Dari segi lokasi juga memperlihatkan kawasan perkampungan tradisi kaum Melayu seperti di Daerah Mengundi Kampong Pasir dan Denai terus dikuasai PAS. Kawasan bandar seperti di Sungai Danga, Ayer Molek dan Bukit Mewah didominasi calon PH.

4.3 PRK DUN Simpang Jeram, Johor

Dari segi geografinya, DUN Simpang Jeram terletak dalam daerah Muar iaitu di barat Negeri Johor. Kawasan ini merangkumi kawasan bandar di Sri Tanjung dan Haji Abdullah Selatan; kawasan pinggir bandar di Simpang Jeram dan Jalan Haji Abdullah; kawasan taman perumahan di Sungai Abong dan Jalan Sakeh; dan kampung tradisi Melayu di Jeram Tengah dan Kampong Ulu. DUN Simpang Jeram

berkeluasan 36 km persegi. Jumlah Daerah Mengundi dalam DUN Simpang Jeram adalah 11 kawasan Daerah Mengundi iaitu Daerah Mengundi Temenggong Ahmad Dalam, Sungai Abong, Jalan Haji Abdullah, Haji Abdullah Selatan, Jeram Tengah, Bukit Batu, Kampong Ulu, Simpang Jeram, Sri Tanjong dan Kampong Sungai Abong (Rajah 3). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 40,488 orang. Kawasan ini mengandungi 51.87 peratus etnik Melayu, 44.58 peratus etnik Cina, 2.53 etnik India dan selebihnya adalah etnik lain.



Rajah 3: Peta persempadanan bahagian pilihan raya DUN Simpang Jeram, Johor mengikut Daerah Mengundi

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Pada PRK 2023 di DUN Simpang Jeram, Pakatan Harapan (PH) berjaya mengekalkan penguasaan di kawasan tersebut apabila calonnya, Ir. Ts. Haji Nazri Abdul Rahman, disahkan menang di kerusi berkenaan dengan majoriti 3,514 undi.


Nazri yang juga merupakan Pegawai Khas Datuk Seri Salahuddin Ayub meraih 13,844 undi menewaskan Dr. Mohamad Mazri Yahya daripada PN dengan 10,330 undi, manakala Jeganathan Subramaniam yang bertanding sebagai calon Bebas pula meraih 311 undi. Peratus keluar mengundi bagi PRK Dewan Negeri N.13 Simpang Jeram, Johor adalah sebanyak 60.85% manakala undi rosak adalah 74 undi. Jumlah pengundi berdaftar di kawasan ini adalah 40,488 orang.

Dari segi pola sokongan pengundi di DUN Simpang Jeram, kawasan majoriti pengundi Melayu dimenangi calon PN iaitu di Daerah Mengundi Haji Abdullah Selatan, Jeram Tengah dan Bukit Batu. PH pula menang di semua kawasan majoriti pengundi Cina iaitu di Jalan Sakeh dan Temenggong Ahmad Dalam. Seterusnya di kawasan campuran dimenangi calon PH di Daerah Mengundi Sungai Abong, Simpang Jeram, Sri Tanjong dan Kampong Sungai Abong. Dari segi lokasi juga memperlihatkan kawasan perkampungan tradisi kaum Melayu seperti di Daerah Mengundi Kampung Jeram Tengah dan Bukit Batu dikuasai PN/PAS manakala kawasan bandar seperti di Jalan Sakeh dan Temenggong Ahmad Dalam didominasi calon PH/AMANAHAH.

4.4 PRK DUN Pelangai, Pahang

Dari segi geografinya, DUN Pelangai terletak dalam Daerah/Parlimen Bentong iaitu di barat Negeri Pahang. Kawasan ini merangkumi kawasan pekan di Manchis dan Telemong; kawasan FELDA di FELDA Sungai Kemasul, FELDA Chemomoi, FELDA Sungai Kemahal; kampung tradisi Melayu di Kampung Jawi-Jawi; dan kampung tradisi Orang Asli di Sungai Perdak. DUN Pelangai berkeluasan 649 km persegi. Jumlah Daerah Mengundi dalam DUN Pelangai adalah sembilan kawasan Daerah Mengundi iaitu Daerah Mengundi FELDA Sungai Kemasul, FELDA Chemomoi, FELDA Sungai Kemahal, Kampung Jawi-Jawi, Simpang Pelangai, Manchis, Sungai Gapoi, Telemong dan Sungai Perdak (Rajah 4). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 16,456 orang. Kawasan ini mengandungi 70.71 peratus etnik Melayu, 20.08 peratus etnik Cina, 6.19 etnik India dan selebihnya adalah etnik lain.

BN mengekalkan kemenangan di kawasan DUN Pelangai dengan 62 peratus undi. Calon BN iaitu Amizar Abu Adam menang pilihan raya kecil ini dengan meraih 7,324 undi menewaskan calon PN iaitu Kasim Samat yang mendapat 4,375 undi dan calon bebas Haslihelmy DM Zulhasni 47 undi. Dengan ini, Haslihelmy hilang wang deposit. Amizar menang dengan memperoleh majoriti 2,949 undi. Peratusan turun mengundi adalah 72.12%. Barisan Nasional menang dengan peratusan 61.7% (7,324) iaitu menang dengan majoriti 2,949 undi. Perikatan Nasional (PN) memperoleh 36.9% (4,375 undi). Sokongan Melayu kepada BN adalah 52.1% manakala sokongan Melayu kepada PN adalah 46.8% dan calon Bebas mendapat 0.4%. Majoriti kaum Cina mengundi BN adalah 97%, PN 2.8% dan calon Bebas 1.0%. Peratus keluar mengundi bagi adalah sebanyak 72.12% manakala undi rosak adalah 120 undi. Jumlah pengundi berdaftar di kawasan ini adalah 16,456 orang.



Rajah 4: Peta persempadanan bahagian pilihan raya DUN Pelangai, Pahang mengikut Daerah Mengundi
Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Dari segi pola sokongan pengundi di DUN Pelangai, kawasan majoriti pengundi Melayu yang dimenangi calon BN ialah di Daerah Mengundi Kampung Jawi-Jawi, Simpang Pelangai, Sungai Gapoi dan FELDA Chemomoi. PN pula menang di Daerah Mengundi majoriti Melayu di FELDA Sungai Kemasul dan FELDA Sungai Kemahal. BN juga menang di kawasan Daerah Mengundi majoriti Cina di Manchis dan Telemong dan kawasan majoriti pengundi India di Sungai Perdak. BN menang di Daerah Mengundi perkampungan tradisi Melayu di Kampung Jawi-Jawi,


Simpang Pelangai, Sungai Gapoi dan FELDA Chemomoi dan juga di kawasan pekan di Manchis dan Telemong.

4.5 PRK DUN Jepak, Sarawak

Dari segi geografinya, DUN Jepak terletak dalam Parlimen Bintulu, di bahagian utara tengah Negeri Sarawak. Kawasan ini merangkumi kawasan pekan di RPR Sebieu, Sri Dagang dan Jepak; kampung tradisi Melayu Sarawak di Jepak; dan kampung tradisi serta rumah panjang Orang Iban di Segan, Kuala Tatau dan Singai Nyigu. DUN Jepak berkeluasan 701 km persegi. Jumlah Daerah Mengundi dalam DUN Jepak adalah enam kawasan Daerah Mengundi iaitu Daerah Mengundi Kuala Tatau, Sri Dagang, Jepak, Segan, Sungai Nyigu dan RPR Sebieu. Oleh itu, terdapat 14 pusat mengundi dengan 42 saluran di DUN Jepak (Rajah 5). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 22,804 orang. Kawasan ini mengandungi 21.11 peratus etnik Melayu, 6.52 peratus etnik Cina, 0.42 etnik India, Bumiputera Sarawak 71.64 peratus, Bumiputera Sabah 0.56 peratus dan selebihnya adalah etnik lain.

Gabungan Parti Sarawak (GPS) berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Jepak apabila calonnya iaitu Iskandar Turkee diisytiharkan sebagai pemenang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Jepak. Iskandar, 54, bekas pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) cawangan Sarawak mengalahkan calon Parti Bumi Kenyalang (PBK) iaitu Stevenson Joseph Sumbang yang memperoleh 854 undi dan calon Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (Aspirasi) iaitu Chieng Lea Phing yang mendapat 431 undi dengan majoriti 8,784 undi. Peratusan pengundi yang keluar mengundi adalah 48.57 peratus. Jumlah kertas undi ditolak adalah sebanyak 152 undi dan kertas undi tidak dikembalikan pula sebanyak dua. DUN Jepak mempunyai 22,804 pemilih yang terdiri daripada 22,761 pengundi biasa dan 43 anggota polis.

Analisis pola sokongan pengundi di DUN Jepak menunjukkan kemenangan besar bagi GPS di semua kategori kawasan termasuk bandar dan luar bandar, serta kawasan majoriti kaum Melayu dan Bumiputera Sarawak. Semua 14 pusat mengundi dengan 42 saluran berjaya dimenangi oleh GPS dengan majoriti yang signifikan.



Rajah 5: Peta persempadanan bahagian pilihan raya DUN Jepak, Sarawak mengikut daerah mengundi

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023


4.6 PRK Parlimen Kemaman, Terengganu

Dari segi geografinya, Parlimen Kemaman terletak di selatan Negeri Terengganu. Kawasan ini merangkumi kawasan pinggir pantai di Kemasik, Kijal dan Chukai; kawasan bandar di Chukai; sebahagian kawasan pinggir bandar di Chukai; kawasan taman perumahan di Air Putih; dan kampung tradisi Melayu di Air Putih.

Parlimen Kemaman berkeluasan 2,540 km persegi mengandungi empat kawasan DUN iaitu DUN Kemasik, DUN Kijal, DUN Chukai dan DUN Air Putih. Jumlah Daerah Mengundi dalam Parlimen Pulau adalah 48 kawasan Daerah Mengundi. DUN Kemasik mengandungi Daerah Mengundi Batu Putih, FELDA Kertih 6,

Kampung Ranggon, Kuala Kertih, Pekan Kertih, Kemasik, Pekan Air Jernih, FELDA Kertih 5, Chabang, Tok Kaya dan Rantau PETRONAS. DUN Kijal pula merangkumi Daerah Mengundi Padang Kubu, Seri Bandi, Ibok, Bukit Anak Dara, Pekan Kijal, Teluk Kalung, Bukit Kuang, Payoh dan Beris Meraga. DUN Chukai merangkumi Daerah Mengundi Bakau Tinggi, Kampung Besut, Kampung Tuan, Gong Limau, Gong Pauh, Kubang Kurus, Banggul, Kampung Tengah, Kuala Kemaman, Geliga, Jakar, Fikri, Paya Berenjut dan Geliga Besar. DUN Air Putih pula merangkumi Daerah Mengundi Mak Chili, Bukit Mentok, Pasir Minal, Binjai, Pasir Gajah, Seberang Tayur, Dadung, Air Putih, Bandar Cerul, Bandar Baru Ceni, Sungai Pergam, FELDA Neram 1, Hulu Jabur dan FELDA Neram 2 (Rajah 6). Jumlah pemilih di kawasan ini ialah 141,790 orang. Kawasan ini mengandungi 93.41 peratus etnik Melayu, 5.37 peratus etnik Cina, 0.61 etnik India dan selebihnya adalah etnik lain.

PAS mengekalkan penguasaan di Parlimen Kemaman apabila calonnya iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar menang dengan majoriti 37,220 undi hasil kiraan daripada keseluruhan 249 peti undi bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) itu. Ahmad Samsuri yang juga Menteri Besar Terengganu mendapat 64,998 undi manakala lawannya dari calon BN, Jeneral (B) Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dengan 27,778 undi. Majoriti yang diperoleh calon PAS kali ini melebihi 10,041 undi berbanding penyandang sebelum ini, Che Alias Hamid yang memperoleh majoriti sebanyak 27,179 undi. Sebanyak 428 kertas undi ditolak dengan jumlah keluar mengundi adalah sebanyak 65.76 peratus. Jumlah undi yang diterima dalam PRK Kemaman ialah 92,776 atau bersamaan 65.76 peratus daripada keseluruhan 141,790 pengundi berdaftar. Jumlah keseluruhan undi yang diperoleh adalah 92,776 daripada 141,790 pengundi berdaftar di kawasan Parlimen Kemaman. Ini bersamaan 66 peratus pengundi yang berdaftar telah keluar mengundi pada PRK P.040 Kemaman. Pecahan peratusan keluar mengundi mengikut kaum dengan Melayu 67 peratus, Cina 38 peratus dan India 30 peratus. Pada PRU Ke-15, PAS hanya mendapat 64 peratus sokongan masyarakat Melayu dan pada PRK Kemaman 2023 meningkat sokongan sebanyak 72 peratus. Penambahan sokongan sebanyak 8 peratus undi ini menunjukkan majoriti masyarakat memihak kepada PAS. Berbanding BN, pada PRU Ke-15 mereka mendapat sokongan 36 peratus masyarakat Melayu dan pada PRK kali ini sokongan itu menurun sebanyak 8 peratus.



Rajah 6: Peta persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen Kemaman mengikut DUN dan daerah mengundi

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2023

Dari segi pola sokongan pengundi di Parlimen Kemaman, semua kawasan majoriti kaum Melayu dimenangi calon PAS dengan majoriti yang besar seperti di DUN Kemasik, DUN Kijal dan DUN Air Putih manakala kawasan majoriti kaum Cina pula terus menyokong calon PH iaitu di kawasan DUN Chukai seperti di Daerah Mengundi Jakar. Dari segi lokasi juga memperlihatkan kawasan perkampungan tradisi kaum Melayu seperti di Daerah Mengundi Kampung Ranggan, Kuala Kertih, Ibok, Bukit Kuang, Kampung Besut, Gong Limau, Gong Pauh, Geliga, Mak Chili, Pasir Minal dan Pasir Gajah terus dikuasai PAS. Satu-satunya Daerah Mengundi yang dimenangi BN adalah di Sungai Pergam iaitu kawasan 93 peratus pengundi Orang Asli Semoq Beri. Seterusnya kesemua kawasan Daerah Mengundi FELDA iaitu FELDA Kertih 6, FELDA Kertih 5, FELDA Neram 1 dan FELDA Neram 2 dimenangi PAS. Kawasan bandar seperti di Daerah Mengundi Jakar didominasi calon BN. Seterusnya terdapat saluran 1 iaitu pengundi tua yang dimenangi calon BN terutamanya di kawasan FELDA. Saluran lain dan saluran pengundi muda terus dikuasai sepenuhnya oleh PAS.

4.7 *Perbincangan*

4.7.1 *Analisis Pilihan Raya Kecil*

Hasil keputusan PRK di enam kawasan yang terlibat menunjukkan bahawa PH terus menang atau menguasai kawasan bandar majoriti kaum Cina manakala PN terus menguasai kawasan majoriti Melayu-Islam terutamanya di kawasan bandar dan luar bandar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Oleh itu, apa yang menonjol dalam analisis PRK ini adalah aspek geopolitik identiti iaitu geopolitik etnik/kaum dan geopolitik agama.

PN/PAS menang di Parlimen Kuala Terengganu dan Parlimen Kemaman yang terletak di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu. Keputusan dan pola sokongan pengundi dalam PRK Parlimen Kuala Terengganu menunjukkan bahawa isu nasional dan isu negeri memberi kesan kepada pilihan politik pengundi di kawasan Parlimen tersebut. Secara kebetulan, PRK Parlimen Kuala Terengganu diadakan serentak dengan PRU DUN Terengganu dan 5 lagi DUN lain iaitu pada 12 Ogos 2023 maka isu yang diguna dalam kempen PRK dan PR DUN adalah sama. Majoriti pengundi Melayu masih beranggapan bahawa hanya PAS yang dapat menggantikan UMNO/BN untuk menjaga hak Orang Melayu dan terus memandang serong terhadap DAP yang dikatakan sebagai pro-Cina. Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan peranan Menteri Besar Terengganu iaitu Dato' Seri Dr. Samsuri yang dilihat tenang serta bijaksana dalam mengemudi pembangunan negeri Terengganu dan mengambil pendekatan terbaik-baik dengan pimpinan parti lawan termasuk dengan Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim atau dikenali juga sebagai PMX. Selain itu, isu pembatalan kemenangan calon PAS bagi Parlimen Kuala Terengganu iaitu Datuk Ahmad Amzad Hashim oleh Mahkamah Pilihan Raya atas dakwaan terlibat dengan unsur rasuah pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) November 2022 yang kemudiannya diangkat semula sebagai calon PAS dalam PRK kali ini juga tidak diambil kira oleh pengundi untuk menghukum PAS dalam PRK tersebut. Ini menunjukkan bahawa isu politik identiti lebih penting dan mengatasi segala-galanya. Namun, pengundi di Parlimen Kuala Terengganu telah membuat keputusan politik mereka. Pembangunan fizikal dan kestabilan politik di kawasan Parlimen tersebut dapat dinikmati selama sepenggal menuju PRU akan datang.

Keputusan PRK Parlimen Kemaman menunjukkan majoriti pengundi di kawasan tersebut terus kekal menyokong PAS atas sentimen politik identiti dan kepimpinan Menteri Besar Terengganu sebagai calon ketika PRK tersebut. Majoriti pengundi di Kemaman lebih mengutamakan perjuangan mengukuhkan bangsa Melayu dan meningkatkan syiar Islam berbanding politik pembangunan, politik nilai dan politik berbilang bangsa seperti yang diperjuangkan Kerajaan Perpaduan PH+BN. Mereka bimbang jika hak dan keistimewaan serta keunggulan Melayu-Islam

akan tergugat jika pihak atau parti politik yang tidak serius memperjuangkan Melayu-Islam ini diberi kuasa untuk memimpin mereka. Pengundi di Kemaman lebih yakin dan selesa dengan pemerintahan Kerajaan Negeri pimpinan PAS yang juga dilihat bersih dan cekap mentadbir negeri majoriti kaum Melayu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia ini. Kepimpinan negeri Terengganu juga perlu diberi peluang kepada pimpinan daripada parti politik selain BN yang baharu dan muda, sesuai dengan peredaran zaman sekarang ini. Sokongan yang meningkat terhadap PAS di kawasan ini juga disebabkan sokongan majoriti golongan undi18 yang merujuk Tik Tok sebagai sumber maklumat politik mereka. Justeru, kepimpinan PAS terus diberi kepercayaan untuk meneraju Negeri Terengganu buat masa sekarang. Namun dalam tempoh lima tahun penggal pemerintahan ini, pelbagai isu boleh berlaku dan rakyat sentiasa melihat prestasi pimpinan mereka dari semasa ke semasa. Oleh itulah ilmu politik ini tidak statik, malah dinamik bergantung kepada isu dan kepimpinan serta strategi politik dan pengaruh media terutamanya media sosial yang sangat berkesan kepada golongan muda yang sedang meningkat jumlahnya dari tahun ke tahun.

Kawasan separa bandar masih didominasi oleh PH disebabkan pengundi di kawasan tersebut berfikiran optimis serta memberi peluang kepada PH untuk menguasai kawasan ini, berfikiran analitikal kepada isu semasa, sokongan mantap pengundi Cina dan India berbanding undi Melayu yang berpecah kepada tiga parti politik iaitu BN, PN dan PH, sumber maklumat alternatif dan pelbagai, tidak terpengaruh dengan politik kaum dan agama, pentingkan semangat tolak ansur dan kerjasama antara kaum, terbuka kepada kritikan terutamanya yang konstruktif.

Pengundi di kawasan bandar secara keseluruhannya bersama PH disebabkan mereka berfikiran terbuka, pembangunan infrastruktur sudah tersedia ada, sumber maklumat daripada media sosial, utamakan politik nilai berbanding politik identiti, utamakan persaingan yang sihat, tahap pendapatan yang baik dan kurang kebergantungan kepada kerajaan, utamakan keharmonian dan perpaduan kaum, tolak ansur dalam beragama dan kebudayaan kaum masing-masing dan utamakan isu nasional.

Keputusan PRK Parlimen Pulaui dan DUN Simpang Jeram menunjukkan bahawa PH terus utuh di kawasan ini disebabkan sokongan padu pengundi bukan Melayu terutamanya kaum Cina. Faktor ini dikukuhkan lagi dengan faktor simpati dan penerusan legasi ahli Parlimen sebelum ini iaitu Dato' Seri Salahudin Ayub yang terkenal dengan produk Rahmahnya yang murah dan berpatutan yang merangkumi menu rahmah, bakul rahmah, jualan rahmah, payung rahmah, pakej rahmah dan menu siswa rahmah. Selain itu, calon PH iaitu Suhaizan Kayat yang merupakan Ketua AMANAH Pulaui yang juga merupakan setiausaha politik kepada Dato' Seri Salahudin Ayub sudah lama turun padang di kawasan Parlimen Pulaui dan Ir. Ts. Haji Nazri Abdul Rahman yang juga merupakan pegawai khas kepada Dato' Seri Salahudin Ayub di DUN Simpang Jeram sudah sekian lama turun padang di kawasan DUN Simpang Jeram menyebabkan mereka berdua sudah dikenali ramai.

Namun undi kaum Melayu terus cenderung kepada PN disebabkan sentimen isu 3R (*Race, Religion & Royal*) yang menggusarkan orang Melayu terutamanya peranan DAP dalam Kerajaan Perpaduan yang dilihat boleh mengancam hak dan kedudukan Orang Melayu di negara ini.

Kejayaan calon PH menambahkan undi dan majoriti menunjukkan bahawa pengundi Melayu di kawasan Simpang Jeram sudah boleh menerima formula Kerajaan Perpaduan antara BN (UMNO) dan PH. Ini berlaku kerana hasil kerja keras jentera UMNO bahagian untuk memahamkan ahli UMNO di DUN Simpang Jeram mengenai sebab dan keperluan pembentukan Kerajaan Perpaduan. Kemenangan PH diperkukuhkan lagi dengan sokongan padu pengundi Cina yang merupakan penyokong setia PH. Selain itu, pengalaman calon PH yang merupakan Pegawai Khas bekas ADUN Simpang Jeram menjadikan beliau sudah dikenali pengundi di kawasan tersebut. Pengundi juga sedar bahawa hanya parti yang menguasai kerajaan sahaja yang dapat membantu menyelesaikan masalah mereka di kawasan tersebut sama ada Kerajaan Negeri yang dikuasai BN mahupun Kerajaan Persekutuan yang dikuasai PH+BN. Justeru, gabungan kesemua faktor ini menjadikan DUN Simpang Jeram terus kekal dikuasai PH dalam menuju tamat penggal selama lima tahun.

Kemenangan BN dalam PRK DUN Pelangai adalah satu kemenangan manis buat jentera BN yang berjaya mengekalkan kawasan tersebut sebagai kubu kuat parti mereka. Dengan sokongan pengundi berusia dan pengundi tegar ideologi politik Melayu-UMNO maka BN/UMNO masih berjaya mengekalkan kerusi tersebut meskipun hampir kesemua kawasan majoriti Melayu di seluruh negara berjaya ditawan PN disebabkan gelombang hijau pengundi Melayu yang inginkan parti politik yang betul-betul memperjuangkan hak Orang Melayu-Islam dan tidak mahu bersekongkol dengan kaum lain. Pengundi Melayu juga mahukan kepimpinan yang bersih daripada gejala rasuah yang merugikan sosioekonomi Orang Melayu. Namun dalam konteks PRK DUN Pelangai, BN/UMNO masih mampu mengekalkan sokongan pengundi Melayu luar bandar yang masih setia dengan perjuangan bangsa oleh UMNO. Ini kerana wibawa parti perlu dikekalkan dan pemimpin hanya pembawa hasrat perjuangan parti. Justeru, orang Melayu masih berbelah bahagi dalam menyokong parti politik dokongan mereka kerana orang Melayu belum dapat mencapai keteguhan Orang Cina yang berani menolak MCA dan GERAKAN secara hampir total sehingga 95 peratus yang memberi sokongan kepada parti komponen dalam PH terutamanya DAP.

Kawasan DUN Jepak terus menjadi kubu kuat BN yang kemudiannya dijenamakan kepada GPS atas faktor politik pembangunan dan prestasi kepimpinan yang disukai pengundi. Pengundi di DUN Jepak mahukan kesinambungan pembangunan oleh parti politik penyandang perlu diteruskan agar proses pembangunan tidak terbantut. Mereka juga selesa dan sudah terbiasa dengan gaya pemerintahan BN/GPS dan belum bersedia untuk menukar sokongan. Ini kerana prestasi yang baik di samping mereka sudah lama kenal dengan kepimpinan

BN/GPS di kawasan tersebut. Dengan pengekalan kuasa GPS di DUN Jepak maka dasar Kerajaan Negeri dapat diteruskan dan dinikmati pengundi di kawasan tersebut. Pembangunan DUN Jepak akan lebih rancak apabila Jambatan antara Bandar Bintulu ke kawasan Jepak akan siap tidak lama lagi. Pusat pentadbiran kerajaan, kawasan perumahan dan lokasi perniagaan akan tumbuh bercambah apabila jambatan tersebut siap dan sudah boleh digunakan oleh rakyat. Pembinaan jambatan tersebut juga akan memendekkan masa daripada Bandar Bintulu Ke Lapangan Terbang Bintulu yang juga terletak di Jepak. Justeru, proses pembangunan ini perlu diteruskan dan dapat dinikmati rakyat Bintulu dan juga penduduk di Jepak sebaiknya.

4.7.2 Geopolitik Identiti

Geopolitik identiti (etnik dan agama) bermaksud pengaruh kuasa undi etnik/agama tertentu dalam menentukan kemenangan parti politik atau calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Geopolitik identiti juga merujuk kepada kuasa sesuatu etnik/agama dalam menentukan calon di sesuatu kawasan dalam sesuatu pilihan raya. Geopolitik etnik bermaksud pengaruh kuasa undi etnik tertentu dalam menentukan kemenangan parti politik atau calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya (Ghazali, 2009). Dalam konteks Malaysia mahupun di luar negara, penentuan calon oleh mana-mana parti politik yang akan bertanding dalam sesuatu pilihan raya akan dipengaruhi oleh dominasi komposisi kaum dan agama di kawasan tersebut. Oleh itu, tempat tinggal/rumah akan mempengaruhi letakan atau kedudukan seseorang pengundi di sesuatu kawasan. Geopolitik etnik pada PRK ini menunjukkan sokongan kepada PN/PAS bergantung kepada undi oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi PH bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua. Geopolitik agama akan berlaku jika sesuatu kaum mengundi kerana faktor agama sebagai cara hidup dan pengaruh keluarga.

Antara faktor yang mengukuhkan sokongan pengundi Melayu-Islam terhadap PN/PAS adalah isu perkauman dan keagamaan. Isu ini sangat memberi kesan terhadap perasaan sesuatu etnik atau penganut agama kerana kedua-dua isu tersebut menyemai sifat ekstrim dan wala'/patuh kepada ciri dan ajaran kedua-dua identiti tersebut. Politik identiti yang berteraskan kaum dan agama tersebut menggambarkan bangsa dan agama mereka lebih hebat atau tinggi atau benar berbanding pihak lain. Selain itu, mereka juga turut ditakutkan dengan ancaman dan konflik yang bakal terjadi jika pihak lain menguasai mereka. Oleh itu, isu perkauman dan keagamaan boleh dimainkan dalam dua perspektif sama ada secara positif dan secara negatif. Kempen secara positif bermaksud perjuangan untuk mengangkat martabat, mendapat habuan jika sokongan dinyatakan dan menjalankan program untuk memperkuat sesuatu etnik dan agama. Kempen secara negatif pula bererti kempen yang membimbangkan, menakutkan dan menimbulkan keresahan sesuatu etnik atau penganut agama tertentu jika pihak lawan diberi sokongan. Di negara ini, kaum Melayu disinonimkan dengan agama Islam.

PN yang dianggotai PAS adalah parti yang memperjuangkan agama Islam dan BERSATU yang memperjuangkan bangsa Melayu menggunakan isu agama dan kaum untuk memperoleh sokongan pengundi terutamanya pengundi Melayu-Islam bagi menawan sebanyak mungkin kerusi Parlimen atau DUN majoriti etnik Melayu-Islam. Dalam kempen PRK sama ada melalui bahan bercetak seperti *pamphlet* dan media sosial seperti *Tik Tok*, isu positif mengenai etnik dan agama oleh PN adalah seperti janji pilihan raya melalui manifesto untuk memperjuang dan memartabatkan bangsa Melayu dan agama Islam melalui memperbanyakkan program pengukuhan bangsa Melayu, pengukuhan undang-undang serta syiar Islam, sokongan untuk mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT, redha dengan ketentuannya seperti keadaan yang berlaku di Kelantan, sokongan untuk amar maaruf dan nahi mungkar (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kejahatan), berbuat baik dan soleh sesama insan, beribadah kepada Allah Taala, bersedekah di jalan Allah Taala, mendengar dan menimba ilmu agama Islam ketika kuliah agama dan ceramah, dan sokongan yang diberikan akan dibalas dengan ganjaran pahala dan syurga pada masa di akhirat nanti.

Kemudian, antara faktor sokongan majoriti pengundi terhadap PH dalam PRK adalah kerana politik nilai dalam PH. Penyokong setia PH terutamanya daripada kaum Cina mementingkan politik nilai berbanding politik identiti. Politik nilai yang dimaksudkan adalah seperti tatakelola yang baik, integriti, adil dan amanah yang terdapat dalam ideologi parti politik dalam PH diterima pengundi terutamanya pengundi atas pagar dan berpendidikan (Ghazali, 2009). PH yang dianggotai tiga parti yang menggunakan kata nama sifat atau nilai sebagai nama parti mereka iaitu keadilan (Parti Keadilan Rakyat/PKR), amanah (Parti Amanah Negara/AMANAH) dan demokratik (Parti Tindakan Demokratik/DAP). Politik nilai ini diterapkan lagi dalam slogan Kerajaan Perpaduan iaitu Membangun Bersama Malaysia Madani. Politik nilai dilihat dapat menghasilkan pemerintahan yang baik, stabil, aman dan dapat diterima semua pihak. Politik nilai dapat memastikan negara berada dalam keadaan sejahtera, tenang dan disukai negara luar untuk tujuan pelaburan dan pelancongan.

Faktor seterusnya adalah sokongan padu daripada pengundi Cina. Majoriti pengundi Cina lebih selesa dengan PH yang lebih sederhana dalam memperjuangkan hak dan kepentingan semua kaum dan bersifat multirasial. PH dilihat sebagai parti berbilang kaum yang sesuai dengan komposisi etnik pengundi di negara ini. PH juga dilihat mengutamakan politik nilai yang menyeru kepada kebaikan kepada semua kaum berbanding politik identiti kepada kaum dan agama tertentu sahaja yang diperjuangkan PN. Pengundi Cina juga ingin memberi peluang kepada PH untuk memimpin mereka agar dapat mewujudkan situasi sosioekonomi yang lebih adil, aman, sejahtera dan makmur.

Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca PRU-15 merupakan satu pilihan raya yang penting untuk sentimen politik semasa secara lokaliti/setempat di kawasan kajian dan juga dapat melihat arah pola sokongan pengundi pasca PRU-15. PRK ini juga

dapat dijadikan penanda aras kepada prestasi kerajaan semasa di peringkat negeri dan Persekutuan namun tidaklah boleh menggambarkan keseluruhan politik nasional/negara kerana senario dan budaya serta sentimen politik di 222 kawasan Parlimen dan 600 kawasan DUN tidaklah sama senarionya. Justeru, keputusan dan pola pengundian di enam kawasan yang terlibat dengan PRK ini tidak boleh dijadikan indikator utama kepada senario politik nasional kerana politik pilihan raya kini sangat bersifat dinamik dan sukar diramal dengan tepat di samping perancangan dan permainan politik pemimpin politik yang sangat rahsia, rapi dan tersusun yang membolehkan terjadinya peristiwa politik yang sangat di luar jangkaan semua pihak.

PRK pasca PRU-15 memperlihatkan senario politik yang bersifat lokal atau tempatan namun masih dapat dipengaruhi isu negeri dan sepastinya isu nasional. Setiap kawasan dan negeri mempunyai isu yang tersendiri yang melibatkan kepimpinan setempat, Kerajaan Negeri dan kepimpinan politik negeri yang terlibat. Namun PRK pasca PRU-15 menunjukkan senario nasional masih mempengaruhi keputusan politik pengundi di enam kawasan yang terlibat. Senario nasional yang dimaksudkan adalah pengaruh politik identiti (politik perkauman dan politik keagamaan) yang diwujudkan melalui media sosial dan juga dimanipulasi oleh pimpinan politik yang membuat kenyataan media dan juga melalui ceramah umum. Terdapat juga faktor keadaan ekonomi yang menjadi pertimbangan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Terdapat enam petunjuk ekonomi yang boleh difahami oleh seluruh rakyat di negara ini iaitu pertumbuhan ekonomi; kadar pengangguran; pelaburan; harga barangan dan kadar inflasi; pasaran saham; dan nilai matawang (kadar faedah).

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, PRK pasca PRU-15 memaparkan elemen ruangan mempengaruhi trend sokongan pengundi kepada parti politik iaitu dari segi geopolitik kaum. Elemen ruangan ini dikaitkan dengan lokasi pengundi mengikut kaum dan kepadatan pengundi baharu terutamanya pengundi 18 tahun hingga 21 tahun. Selain itu, elemen ruangan turut dipengaruhi oleh peranan media, mentaliti pengundi, isu semasa, kepemimpinan, perkauman, keagamaan dan juga peranan jentera parti politik yang bertanding dalam PRK tersebut. Justeru, elemen ruangan dan kewilayahan perlu diambil perhatian oleh parti politik jika mereka bertanding untuk memenangi kerusi berdasarkan ruang yang terdapat di negara ini. Semua pemimpin parti politik perlu berfikiran ke hadapan untuk berkhidmat kepada pengundi di kawasan masing-masing. Semua pimpinan mesti bersama-sama memastikan keamanan politik negara ini bagi meyakinkan pihak luar negara untuk melabur atau melancong ke negara ini bagi merancakkan sektor ekonomi di negara ini.

6. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

7. RUJUKAN

- Awang Besar, J. & Mohd Zain, M. F. (2011, 8-10 February). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali ke-3*. Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Awang Besar, J. (2016, October 26-27). Analisis geografi pilihan raya, sosiopolitik dan sosiobudaya di kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Kampus UNJA Pasar, Jambi, Sumatera, Indonesia.
- Awang Besar, J. (2017a, 23&24 February). Analisis geografi politik dan pilihan raya di Negeri Perlis Indera Kayangan. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2017*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Awang Besar, J. (2017b). Geografi Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang: Analisis Prestasi MCA dan DAP dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2013. *Geografi*, 6(1)(2017), 12-25.
- Awang Besar, J. (2018). Analisis Geografi Pilihan Raya Negeri Perlis Indera Kayangan, Malaysia. *Geografi*, 6(1)(2018), 71-80.
- Awang Besar, J., Ali, M., Mohd Zain, M. F. & Zulkipli, A. A. (2016, 27-29 May). Analisis geografi pilihan raya kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia.
- Awang Besar, J., Fauzi, R. & Ghazali, A. S. (2013, 26-27 October). Analisis geografi pilihan raya di Kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur 1955-2013. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2013*. Hotel Eastin, Pulau Pinang.
- Awang Besar, J., Fauzi, R. & Ghazali, A. S. (2015). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum 1955-2013. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 11(2), 30-42.

- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F. & Mohd Zain, M. F. (2012). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya. *E-Bangi*, 7(1), 64-74.
- Awang Besar, J., Sudin, M. N. & Mat Jali, M. F. (2017, 20-22 November). Geografi politik dan pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas, Tawau, Sabah. *The 1st SEEDS 2017 International Conference*. Danau UKM, Bangi, Selangor.
- Chan, N.W. (1993). *Pengantar Geografi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fauzi, R., Shafie, A., Ghazali, A. S., Abdul Rahman, Z. & Othman, M. R. (2011, 12 January). Elemen ruangan dalam politik Malaysia menjelang Pilihan Raya Umum 13. *Seminar Politik Malaysia*. UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Ghazali, A. S. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Minshull, R. (1967). *Regional Geography: Theory and Practice*. Aldine, Michigan, USA.
- Mohd Fuad Mat Jali, Awang Besar, J., Fauzi, R. & Ghazali, A. S. (2013). *Analisis geografi pilihan raya dalam pilihan raya kecil di Malaysia 2008-2011*. Fourth PPSPP International Conference 2013. Puri Pujangga, UKM Bangi Selangor.
- Rachagan, S. (1993). *Law and the Electoral Process in Malaysia*. Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Rainis, R. & Mohd Shariff, N. (1998). *Sistem Maklumat Geografi*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sudin, M. N., Awang Besar, J. & Mat Jali, M. F. (2018). Pola pengundian dan taburan geografi kawasan pilihan raya yang dimenangi oleh UMNO dalam PRU-11, PRU-12 dan PRU-13 di negeri Kedah Darul Aman, Malaysia. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-15 (SKIM XV)*. Graha Sanusi, Rektorat Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia.